

21 AUG 2004

MIC-Samy (Ekuiti)

USAHA TINGKATKAN EKUITI MASYARAKAT INDIA BERGANTUNG KPD K'JAAN

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Usaha untuk menambahkan pemilikan ekuiti masyarakat India daripada 1.5 peratus kepada tiga peratus menjelang 2010, bergantung kepada komitmen dan tindakan sepenuhnya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan melaksanakan dasar ini.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata individu dan inisiatif sendiri telah ada tetapi tanpa penglibatan kerajaan secara langsung menyebabkan tidak ada perubahan berkekalan boleh diperolehi.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya berkata bagi memastikan pelaksanaan berkesan dasar ini dalam meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India adalah sejajar dengan manifesto Barisan Nasional (BN) yang menjanjikan tidak ada kumpulan yang diabaikan atau ditinggalkan.

Bagaimanapun, katanya MIC menghargai usaha kerajaan memperkenalkan pinjaman perniagaan kecil dan mikro kepada masyarakat ini, kata beliau dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung Tahunan ke-58 MIC selama dua hari bermula di sini hari ini.

Perhimpunan itu yang dihadiri 4,500 anggota perwakilan MIC dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga pengerusi BN. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad serta kebanyakan 14 pemimpin parti komponen BN.

Samy Vellu berkata skim ini mesra kawan dan orang biasa juga boleh akses dengan pinjaman ini. Unit Kredit Mikro MIC telah berjaya mendapatkan setakat ini 2,050 pinjaman bernilai RM18 juta.

Lebih banyak skim seperti itu diwujudkan bagi meningkatkan kekayaan di pasaran, mestilah dianjurkan oleh kerajaan. Masyarakat India juga memerlukan peluang latihan perniagaan bagi memastikan mereka maju sebagai usahawan berjaya, kata beliau.

Menyentuh sekolah Tamil di seluruh negara, katanya kira-kira 106 buah sekolah daripada 524 buah sekolah seperti itu di negara ini memerlukan bangunan baru kerana keadaan sekolah sangat teruk untuk pembelajaran yang berkesan.

Malahan, katanya 376 buah sekolah itu dikategorikan sebagai sekolah yang tidak menerima bantuan penuh kerajaan.

"Tuan, kita merayu kepada mu bahawa sekolah Tamil mestilah mempunyai kemudahan yang mencukupi. Peruntukan dalam kemampuan kerajaan kita diperlukan dan membina semula sekurang-kurangnya 15 buah sekolah setahun bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

"Dengan berbuat demikian, masyarakat India akan menikmati infrastruktur dan kualiti pendidikan yang baik yang disediakan kerajaan," tambah Samy Vellu.

Dalam nada lain, beliau menyeru masyarakat India pula menjalani revolusi mental dalam memilih kursus untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam.

Masyarakat berkenaan, presiden MIC itu berkata telah terperangkap dengan memikirkan bahawa pilihan terbaik bagi mereka ialah mengikuti pengajian perubatan.

"Kita memang bagus dalam profesion ini, masyarakat India mestilah mengikuti kursus yang penting juga seperti akuantansi, senibina, pergigian, sains haiwan, farmakologi dan bio-teknologi", katanya.

Dalam hubungan ini, MIC akan menganjurkan seminar dan sesi bimbingan kerjaya bagi orang muda dalam kursus yang dipilih, kata beliau.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata masyarakat yang tidak bernasib baik

memerlukan bantuan melalui program khas untuk mereka mendapatkan peluang yang sama di institusi pengajian tinggi awam.

MIC yang merupakan parti kaum India yang terbesar di negara ini, kata beliau telah menerima lebih 300 surat rayuan daripada penuntut yang tidak dapat tempat di institusi pengajian tinggi awam.

"Akses yang besar terhadap pinjaman pendidikan akan membolehkan mereka melanjutkan pelajarannya di institusi pengajian tinggi swasta. Negara kita memerlukan tenaga kerja ini untuk memenuhi peluang pekerjaan yang banyak," kata beliau.

Mengenai pembinaan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asian MIC di Kedah, katanya pembinaan kampus itu kini sudah 70 peratus dan dijangka siap pada akhir tahun ini.

-- BERNAMA

SR KHY BK